

30/10/1997

Malaysia pintu masuk pelabur Slovenia

Karim Sulaiman in Ljubljana

LJUBLJANA (Slovenia), Rabu - Malaysia menawarkan diri untuk menjadi pintu masuk kepada pelabur dan ahli perniagaan Slovenia dalam meningkatkan perniagaan dan perdagangan mereka di rantau Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka boleh menggunakan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran barangan masing-masing ke rantau itu, berikutan kedudukan strategi negara di tengah-tengah Asia Tenggara.

Menurutnya, dengan jumlah penduduk 460 juta orang, pasaran dan persekitaran perdagangan Asean menyedia dan menawarkan peluang perdagangan dan perniagaan menarik bagi masyarakat peniaga Slovenia.

"Pelabur dan ahli perniagaan Slovenia perlu meningkatkan kegiatan mereka di rantau Asia dengan menggunakan kedudukan strategik Malaysia di rantau ini," katanya di majlis makan tengah hari bersama kira-kira 50 ahli perniagaan Slovenia, di sini semalam.

Turut hadir di majlis itu ialah 25 ahli perniagaan Malaysia yang diketuai Pengerusi dan Ketua Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli.

Sebelum itu, ahli perniagaan kedua-dua negara menghadiri seminar dan pertemuan perniagaan untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan perdagangan mereka di rantau itu.

Dr Mahathir berkata, hubungan Malaysia dan Slovenia penting, berikutan kedudukan negara itu di tengah dan timur Eropah yang menjadikan pusat perdagangan penting di rantau ini.

Menurutnya, pelabur dan ahli perniagaan Malaysia boleh menggunakan kedudukan strategik Slovenia itu sebagai pintu masuk untuk meningkatkan perdagangan mereka di rantau ini.

"Peluang kerjasama perdagangan di antara Malaysia dan Slovenia sangat luas. Kita masing-masing mempunyai banyak kelebihan yang boleh diteroka oleh ahli perniagaan dan perdagangan kedua-dua negara," katanya.

(END)